

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 7( )

**MINIT MESYUARAT PENUH  
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA  
BIL. 7 TAHUN 2020**

**Tarikh** : 26 Ogos 2020 (Rabu)

**Masa** : 10.00 pagi

**Tempat** : Bilik Mesyuarat Kenanga,  
Aras 2, Ibu Pejabat,  
Majlis Perbandaran Subang Jaya

**Kehadiran** : Seperti di Lampiran A

**1.0 BACAAN DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

**2.0 PERUTUSAN Pengerusi**

Puan Yang Dipertua memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa

mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 7/2020. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Tayangan gambar pelaksanaan program/aktiviti yang telah berlangsung sepanjang bulan Ogos 2020.
- ii) Pengisytiharan kepentingan peribadi bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytihar kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan serta hendaklah berkecuali dengan menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.
- iii) Pemakluman larangan menggunakan peralatan komunikasi semasa mesyuarat berlangsung.
- iv) Perkongsian berkaitan artikel di dalam akhbar *The Star* tentang kajian yang dijalankan terhadap penduduk yang tinggal di rumah PPR dalam kawasan Kuala Lumpur. Hasil kajian menyatakan impak atau kesan pandemic covid 19 amat terkesan kepada isi rumah yang diketuai oleh wanita dan implikasinya amat tinggi terhadap kanak-kanak.

Rentetan itu, Puan Yang Dipertua berkongsi tentang bengkel Membangunkan Ketahanan Ekonomi Bandar iaitu *Regional*

*Workshop On Urban Economic Recovery And Resilience Building In The Time Of Covid-19.* MPSJ telah mewakili Malaysia bagi berkongsi pengalaman MPSJ menghadapi pandemic Covid-19 dalam aspek pembangunan dan pemulihan ekonomi. MPSJ telah menjalankan beberapa usaha untuk meringankan beban penduduk di kawasan pentadbiran yang terkesan dengan melaksanakan perkara berikut :

- Pengecualian sewa bagi bulan April 2020 kepada penyewa Rumah Rakyat yang melibatkan 166 unit;
- Pengecualian sewa bagi bulan April 2020 terhadap Medan Selera, Gerai PLB dan Pasar Awam melibatkan 781 unit;
- Pengurangan kadar kompaun;
- Mempercepatkan urusan permohonan dan pembaharuan lesen perniagaan;
- Mempergiat urusan perkhidmatan secara atas talian;
- Program bantuan covid 19 dengan peruntukan berjumlah RM10,000.00 menggunakan Geran Program JKP kepada setiap 24 Zon JKP;
- Melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan disinfeksi di premis awam ;
- Melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan disinfeksi 76 rumah kos rendah di dalam kawasan pentadbiran MPSJ dengan kerjasama pihak BOMBA;
- Program bantuan sumbangan MPSJ menjahit pakaian PPE untuk Klinik Kesihatan Seri Kembangan dan Pejabat Kesihatan Daerah Petaling;

- Kawalan Penguatkuasaan pematuhan PKP secara berterusan;
  - Mewujudkan bilik gerakan Covid-19 di bangunan MPSJ;
  - Melaksanakan program pendaftaran penghantar makanan dan pengendali makanan secara online;
  - Kutipan Tabung Amal MPSJ dengan menyerahkan bantuan kepada kakitangan dan penduduk yang terkesan dengan wabak covid-19; dan
  - *Financial back up plan* menerusi rizab tunai, amalan penjimatan dan perbelanjaan berhemah, Trust Fund (ISF, Caj Pembangunan, sumbangan pemaju) serta bajet luar jangka.
- v) Pemakluman berkenaan tindakan MPSJ dalam membantu peniaga kecil yang terjejas pendapatan serta kehilangan pekerjaan semasa pandemic covid 19 ialah MPSJ telah mengenalpasti terdapat 150 peniaga sedia ada baru yang boleh dipertimbangkan pemberian permit penjaja segera. Kadar bayaran yang dikenakan adalah sebanyak RM 30.00 sebulan merangkumi kos sewaan tapak dan pengurusan sampah. Permohonan untuk permit penjaja adalah secara atas talian (online) dan keutamaan akan diberikan kepada peniaga yang tinggal di kawasan MPSJ. MPSJ juga turut membuka tawaran berniaga di pasar malam dan pasar pagi dengan membuka semula 450 tapak berniaga. Permohonan akan dibuka secara atas talian bermula 7 September 2020 dan tamat pada 30 September 2020. Permohonan ini akan melalui proses

temuduga dan hanya terbuka kepada peniaga yang baru sahaja serta tinggal di kawasan MPSJ. Peniaga boleh melayari laman sesawang MPSJ di [www.mpsj.gov.my](http://www.mpsj.gov.my) untuk maklumat lanjut.

- vi) Selain daripada itu, Puan Yang Dipertua turut berkongsi tentang situasi semasa kes demam denggi. Sehingga 22 Ogos 2020 terdapat sebanyak 5107 kes denggi dilaporkan di kawasan pentadbiran MPSJ. Pada Minggu Epid 34 iaitu dari 16 Ogos 2020 hingga 22 Ogos 2020 tiada lokaliti hotspot denggi dilaporkan di kawasan pentadbiran MPSJ. Beliau mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Majlis dan Jawatankuasa Penduduk (JKP) yang telah membantu melaksanakan program pencegahan denggi bersama masyarakat di kawasan masing-masing.

Masyarakat juga diminta meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit seminggu sekali untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes di rumah/premis serta persekitaran masing-masing.

- vii) Pemakluman berkaitan kes covid 19, Sehingga 23 Ogos 2020 terdapat sebanyak 9267 kes Covid 19 telah dilaporkan di seluruh Malaysia. Bagi tempoh semasa, tiada kes Covid 19 dilaporkan di kawasan pentadbiran MPSJ.

Walau bagaimanapun, masyarakat diminta untuk terus mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Kesihatan

Malaysia seperti elakkan 3S (Sesak, Sempit, Sembang Dekat) dan mengamalkan 3W iaitu *Wash, Wear dan Warn*.

Masyarakat juga diminta untuk tidak menviralkan maklumat yang tidak sahih mengenai situasi semasa Covid 19 untuk mengelakkan situasi panik dan seumpamanya di kalangan masyarakat. Maklumat sahih hanya dikeluarkan oleh pihak Kementerian kesihatan Malaysia (KKM) dan/atau Majlis Keselamatan Negara (MKN) sahaja.

- viii) Puan Yang Dipertua mengalu-alukan kehadiran serta memperkenalkan 3 orang Ahli Majlis baharu MPSJ ialah Encik Muhammad Fauzan bin Rosli daripada parti AMANAH, Encik Mohamad Syafik bin Mohamad dan Puan Aniza binti Jamaludin daripada PKR.
- ix) Puan Yang Dipertua mengambil kesempatan mengucapkan Selamat menyambut Hari Kemerdekaan ke-63.

### **3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 6/2020**

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 6/2020 bertarikh 29 Julai 2020 (Rabu) disahkan tanpa sebarang pindaan.

#### **4.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 6/2020**

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 6/2020 bertarikh 29 Julai 2020 (Rabu) disahkan dengan cadangan berikut:

<b>Bil</b>	<b>Para &amp; M/Surat</b>	<b>Ahli Majlis</b>	<b>Perkara</b>	<b>Pindaan / Cadangan</b>
1.	Para 6.6 & m/s 10	Encik Abbas Salimmi bin Che Adzmi @ Azmi	Kertas dasar program pemutihan premis perniagaan tanpa kebenaran di kampung tradisi dan kampung baru di atas tanah persendirian (Tanah persendirian dan tanah bangunan) dan rizab kerajaan di kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya.	Beliau mencadangkan agar MPSJ melaksanakan lawatan turun tapak dan mengadakan taklimat kepada penduduk dan peniaga di lokasi sebelum melaksanakan program pemutihan.  <b>Maklum balas :</b>  Puan Yang Dipertua meminta agar taklimat dilaksanakan kepada penduduk setempat dan peniaga.  <b>Tindakan :</b> <b>Jabatan Pelesenan</b>

## 5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

### 5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.7/2020 bertarikh 11 Ogos 2020

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan / pindaan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.2 & m/s 3	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Laporan perbelanjaan dan kutipan sehingga bulan Julai 2020	Beliau ingin penjelasan berkaitan kaedah yang akan diambil oleh pihak Majlis sekiranya kutipan hasil tidak dapat ditingkatkan dalam masa terdekat.  <b>Maklum balas :</b>  Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa perkara ini telah dibincangkan dan antara langkah yang diambil oleh pihak Majlis dalam jangka

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>masa pendek ialah :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) Membuat pemotongan sebanyak 10% bagi peruntukan perbelanjaan.</li> <li>ii) Menggunakan rizab tunai sedia ada bagi menampung kekurangan kutipan hasil.</li> </ul> <p>Walau bagaimanapun, kaedah-kaedah lain akan dibincangkan dari masa ke masa bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan dapat diteruskan.</p> <p style="text-align: right;"><b>Makluman</b></p>
2.	Para 5.1 & m/s 4	Encik Tai Cheng Heng	Kertas kerja pelarasan semula bajet tahun 2020 Majlis	Beliau ingin tahu apakah cara atau pendekatan yang diambil oleh Majlis bagi membantu peniaga

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			Perbandaran Subang Jaya	<p>di kawasan pentadbiran MPSJ yang terkesan akibat PKP yang masih belum dibenarkan beroperasi contohnya pusat karaoke atau pusat penjagaan kesihatan.</p> <p><b>Maklum balas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa perkara ini akan diperhalusi dan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan.</p> <p><b>Tindakan :</b> <b>Jabatan Pelesenan</b></p>
3.	Para 6.0 & m/s 11	Encik Yap Kok Weng	Hal-Hal Lain	Beliau memaklumkan bahawa tiada catatan berkenaan perbincangan pengurangan kadar denda trafik yang dibayar

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>serta merta iaitu dalam tempoh 24 jam dengan bayaran sebanyak RM 10.00 sahaja.</p> <p><b>Maklum balas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua meminta urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan membuat pindaan minit dengan mencatat keputusan dalam hal-hal lain seperti yang berikut:</p> <p>Kadar bayaran bagi kompaun trafik yang dibayar serta merta dalam tempoh 24 jam dikenakan bayaran sebanyak RM 10.00 sahaja.</p> <p><b>Tindakan :</b> <b>Jabatan</b> <b>Perbendaharaan</b></p>

## 5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.13/2020 bertarikh 12 Ogos 2020

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

## 5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil.6/2020 bertarikh 13 Ogos 2020

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan / pindaan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.4 & m/s 4	Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim	Rumah penjagaan warga emas tanpa kebenaran	Beliau ingin membuat penambahbaikan minit mesyuarat iaitu menambah ayat seperti berikut: Pengusaha juga telah membawa isu ini ke Mahkamah Rayuan untuk

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p><b>premis bernombor 27</b> meneruskan aktiviti perniagaan walaupun mendapat bantahan keras daripada persatuan penduduk dan jiran bersebelahan.</p> <p><b>Maklum balas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua meminta pindaan minit dibuat dengan mencatat premis bernombor 27.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan :</b> <b>Jabatan Pelesenan</b></p>
2.	Para 10.1.1 & m/s 21	Encik Yap Kok Weng	Hal-hal lain : Pemutihan Kilang	Beliau memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor telah memutuskan untuk melanjutkan tempoh pemutihan kilang sehingga Disember 2020. Namun demikian, tiada

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>kertas makluman dibawa ke Mesyuarat Penuh pada hari ini. Beliau meminta agar mesyuarat bersetuju dengan tempoh pemutihan kilang dilanjutkan sehingga Disember 2020.</p> <p><b>Maklum balas :</b></p> <p>Ahli mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima pakai keputusan Kerajaan Negeri Selangor berkenaan pemutihan kilang dilanjutkan sehingga Disember 2020.</p> <p><b>Tindakan :</b> <b>Jabatan Perancangan Bandar</b></p>

#### 5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 4/2020 bertarikh 13 Ogos 2020

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan / pindaan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.1 & m/s 3	Encik Keshminder Singh a/l K.Karam Singh	Pembaikan pagar di kawasan kubur Batu 3	Beliau memaklumkan bahawa YB Rodziah binti Ismail telah bersetuju untuk memberikan peruntukan membaiki pagar di kawasan perkuburan Batu 3 dan meminta MPSJ menyediakan <i>Bill of Quantities</i> (BQ) serta ukuran sebenar pemetaan kawasan perkuburan Batu 3.  <b>Maklum balas :</b>  Puan Yang Dipertua meminta Jabatan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Perancangan Bandar menyegerakan semakan ukuran sebenar pemetaan tanah perkuburan Batu 3 dan menyediakan <i>Bill of Quantities</i> (BQ) bagi projek pembinaan pagar.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</b></p>
2.	Para 5.3 & m/s 9	Encik Yap Kok Weng	Kertas makluman statistik kedatangan pelancong ke kawasan pentadbiran MPSJ 2019	<p>Beliau memaklumkan bahawa di kawasan MPSJ terdapat pusat penjualan burung walit(birt nest). Beliau meminta agar pusat ini dimasukkan sebagai salah satu tarikan pelancongan dalam kawasan MPSJ.</p> <p style="text-align: right;"><b>Maklum balas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua mengambil maklum</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				berkenaan perkara ini.  <b>Makluman</b>
3.	Para 6.1 & m/s 12	Encik Yap Kok Weng	Kertas cadangan penyaluran peruntukan secara <i>direct grant</i> kepada PBT bagi kawalan dan pencegahan denggi tahun 2020	Beliau inginkan penjelasan bilakah peruntukan akan dimasukkan bagi membolehkan JKP melaksanakan Program Pencegahan Denggi di kawasan mereka.  <b>Maklum balas :</b>  Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa Jabatan Kesihatan akan membuat perolehan bagi pembelian racun nyamuk dalam waktu terdekat.  <b>Tindakan :</b>  <b>Jabatan Kesihatan</b>
4.	Para 6.5 & m/s 16	Encik Yap Kok Weng	Kertas cadangan pemilihan logo	Beliau inginkan penjelasan sama ada logo baharu Jawatankuasa Penduduk

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			bagi penjenamaan semula nama Jawatankuasa Penduduk sempena pengiktirafan MPSJ ke arah Bandaraya tahun 2020	telah dimuktamadkan atau belum.  <b>Maklum balas :</b>  Puan Yang Dipertua meminta cadangan logo JKP baharu diundi menerusi <i>whatsapp</i> untuk persetujuan ramai.  <b>Tindakan :</b> <b>Jabatan Pembangunan Masyarakat</b>

**5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 3/2020 bertarikh 14 Ogos 2020**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan / pindaan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 2.1(v) & m/s 3	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Statistik aduan tertinggi mengikut kategori	<p>Beliau inginkan penjelasan tentang prosedur atau kaedah yang digunakan bagi menyelesaikan aduan tertinggi mengikut kategori. Encik Keshminder Singh a/l K.Karam Singh turut mencadangkan kaedah sangkar dan perangkap digunakan bagi mengatasi masalah anjing liar.</p> <p><b>Maklum balas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa peningkatan jumlah aduan berkemungkinan disebabkan oleh semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), tiada aktiviti penangkapan anjing liar dilaksanakan. Jabatan Kesihatan diminta mengkaji keberkesanan kaedah</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				penangkapan anjing liar menggunakan sangkar dan perangkap.  <b>Tindakan : Jabatan Kesihatan</b>

**5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 5/2020 bertarikh 17 Ogos 2020**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 6.3 & m/s 12	Encik Yap Kok Weng	Kertas makluman kitar semula sisa kulit kelapa muda di kawasan MPSJ	Beliau berpendapat aktiviti mengitar semula sisa kulit kelapa muda di kawasan MPSJ merupakan cadangan yang bernas bagi mengelakkan pembuangan sisa di merata tempat dan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>meminta supaya cadangan ini dipertimbangkan.</p> <p><b>Maklum balas :</b></p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa kajian terperinci berkenaan cadangan kitar semula sisa kulit kelapa muda di kawasan MPSJ sedang dilaksanakan. Hasil kajian akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar MPSJ untuk perbincangan lanjut.</p> <p><b>Tindakan :</b> <b>Jabatan Pengurusan Alam Sekitar</b></p>

**5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 5/2020 bertarikh 17 Ogos 2020**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA**

**6.1 Kertas Makluman Cadangan Logo Rasmi Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ)  
(Kertas Mesyuarat Bil.19/7/2020)**

Kertas kerja ini disediakan oleh Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik dan dibentangkan oleh Setiausaha Perbandaran.

**Keputusan Mesyuarat :**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju dan meluluskan cadangan logo rasmi Majlis Bandaraya Subang Jaya dengan penambahbaikan terhadap rasional logo.

**Tindakan : Jabatan Korporat dan  
Pengurusan Strategik**

## 7.0 PENUTUP

Puan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengah hari.

Tarikh Disediakan : 28 Ogos 2020

**" SELANGOR MAJU BERSAMA "**

**" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI),** A.M.N., A.M.S.

Setiausaha Perbandaran

**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(TPr. NORAINI BINTI ROSLAN),** S.I.S., P.P.T

Yang Dipertua

**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

## LAMPIRAN A

### HADIR

- |     |   |   |                         |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1.  | Puan Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T<br>Yang Dipertua                       | - | Pengerusi               |
| 2.  | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.<br>Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha<br>Mesyuarat |
| 3.  | Encik Yap Kok Weng  | - | Ahli Majlis             |
| 4.  | Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim  | - | "                       |
| 5.  | Encik M Anbarasan a/l Murugesu  | - | "                       |
| 6.  | Encik Mohd Fitri bin Jamaludin  | - | "                       |
| 7.  | Encik Keshminder Singh a/l K.Karam Singh  | - | "                       |
| 8.  | Encik Thomas Low Yew Sin  | - | "                       |
| 9.  | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh  | - | "                       |
| 10. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi  | - | "                       |
| 11. | Encik Chia Yew Ken  | - | "                       |
| 12. | Encik Tai Cheng Heng  | - | "                       |
| 13. | Encik Thamilarasu Sandayan  | - | "                       |
| 14. | Encik Wong Yii Seang  | - | "                       |

- |     |  |   |   |
|-----|--|---|---|
| 15. | Encik Lee Jen Uyin                       | - | " |
| 16. | Encik Abbas Salimmi bin Che Adzmi @ Azmi | - | " |
| 17. | Encik Koh Eng Kee                        | - | " |
| 18. | Encik Thong Kim Fatt                     | - | " |

### **TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)**

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
3. Encik Muhammad Zaki bin Yusof  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
4. Encik Ismail bin Salim  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
5. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Kesihatan
6. Puan Hjh Anita binti Abd Jalil, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
7. Puan Hjh. Aida binti Omar  
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
8. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Hasil

9. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Bangunan
10. Encik Samzol bin Saat  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
11. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Audit Dalam
12. Sr Nazarudin bin Mashtuki  
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
13. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi  
Pengarah, Jabatan OSC
14. Sr Mohd Marwan bin Khalilludin  
Pengarah, Jabatan COB
15. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid  
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
16. Puan Azlina binti Mat Salim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
17. Puan Emilia binti Nasir  
Penolong Pengarah, Unit Integriti
18. TPr. Rohana binti Ramli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancangan Bandar
19. Encik Saipudin bin Sulaiman  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

20. Puan Rosmawati binti Zainuddin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

- |    |   |   |             |
|----|---|---|-------------|
| 1. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli                                  | - | Ahli Majlis |
| 2. | Puan Ng Seow Chen   | - | "           |
| 3. | Encik Ismail bin Muhamad, A.I.S<br>Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar |   |             |
| 4. | Puan Azura binti Mohd Don<br>Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar  |   |             |
| 5. | Encik Muhammad Azli bin Miswan<br>Pengarah, Jabatan Pelesenan           |   |             |

**URUS SETIA**

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda  
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan